

27/08/1999

Bekas pegawai PTD bergelar petani alaf baru

Kadir Dikoh; Johnny Giles Senin

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemenang anugerah Peladang Lelaki Jaya, Abd Manaf Sulong (gambar), dari Pahang digelar 'petani alaf baru' kerana sanggup meninggalkan kerjaya sebagai pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) untuk menceburi sektor penternakan.

Berkelulusan sarjana dalam bidang pengembangan pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Abd Manaf, 50, kini mengusahakan ladang memelihara ayam sejak dua tahun lalu dan menjadi pembekal ayam utama kepada Ayamas Food Corporation (Ayamas) bagi Pahang.

Selain itu, beliau menternak 200 kambing bebiri, empat sangkar ikan talapia dan patin, di samping mengusahakan tanaman kelapa, durian serta sebuah mini market dan restoran makanan laut.

"Kejayaan seseorang itu bergantung kepada usaha dan keinginan mereka untuk mencapai apa yang diimpikan," katanya yang bersara tiga tahun lalu bagi memenuhi minatnya.

Beliau menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 1999 peringkat kebangsaan yang diadakan di sini hari ini.

Turut menerima anugerah Peladang Jaya Wanita, Rohayah Ali dari Melaka; Nelayan Jaya, Mat Hassan Daud (Terengganu); Usahawan Ikan Jaya, Zahki Mohammad (Terengganu) dan Usahawan Penternakan Jaya, Azman Ariffin (Perak).

Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rengit, Johor pula dipilih sebagai Pertubuhan Peladang Jaya; Unit Peladang Kulim Hilir (Unit Peladang Jaya); Persatuan Nelayan Kawasan Kuantan, Pahang (Persatuan Nelayan Jaya); dan (Ladang Kelompok Parit Haji Taib, Bagan Serai, Perak (Projek Kelompok Jaya).

Abd Manaf berkata, dalam hubungan ini fungsi persatuan di samping individu sendiri penting sebagai ejen perubahan untuk mencapai keupayaan bagi memodenkan sektor pertanian.

Sementara itu, Rohayah, 43, berkata beliau menumpukan usaha berladang sepenuh masa di kawasan seluas 11.6 hektar bagi menyara enam anaknya selepas kematian suami.

Beliau kini mengusahakan tanah berkenaan dengan tanaman buah-buahan seperti belimbing, limau bali, cempedak, kedondong dan sukun, selain tanaman tebu.

"Wanita bukan tidak boleh berjaya, tetapi kebanyakannya kurang yakin dengan usaha sendiri," katanya.

Nelayan Jaya, Mat Hassan, 48, pula berkata walaupun hanya mendapat pendidikan setakat darjah enam, berkat usaha dan kegigihan selama ini beliau mampu mengubah nasib keluarganya ke tahap yang lebih baik.

"Kehidupan keluarga saya kini tidaklah susah seperti ketika saya kecil dulu," katanya yang mempunyai 12 anak dan memiliki dua bot nelayan laut dalam lengkap dengan peralatan canggih bernilai kira-kira RM600,000 serta 40 pekerja.

(END)